



LAPORAN KUNJUNGAN DELEGASI INNO INSTRUMENT
KE POLITEKNIK SEBERANG PERAI

Disediakan oleh : Dr. Nor Hatizal Binti Amarul Shah

Pada tarikh 08 Disember 2020, Unit CISEC Politeknik Seberang Perai (PSP) telah menerima kunjungan daripada wakil INNO Instrument Sdn Bhd. Kunjungan wakil INNO Instrument Sdn Bhd bertujuan untuk memberikan penerangan mengenai latar belakang syarikat yang beribu pejabat di Incheon Metropolitan City, daerah Songdo Mirae, Korea. Di Malaysia, INNO Instrument Sdn Bhd telah membuka cawangan operasi pada tahun 2007 di Medan Bayan Lepas Industrial Park, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Perbincangan diteruskan dengan memperkenalkan peringkat pengembangan produk-produk yang dikeluarkan oleh INNO Instrument Sdn Bhd iaitu peringkat *Fiber Optic Splicer Market Entry* pada tahun 2007, peringkat *Expand Global Network* pada tahun 2012 dan seterusnya pada peringkat *Diversification of New Business* pada tahun 2016. INNO Instrument Sdn Bhd turut memperkenalkan produk-produk baru yang telah berada dipasaran iaitu produk *Fusion Splicer*, produk *OTDR*, produk *RF*, produk *Calibration Kit*, produk *Fiber Microscope*, produk *Power Meter*, produk *Cleaver* dan produk *Stripper*. Wakil INNO Instrument Sdn Bhd dan pihak Politeknik Seberang Perai telah mencapai kata sepakat iaitu disamping memberikan peluang pelajar PSP mempelajari penggunaan produk melalui latihan industri, INNO Instrument Sdn Bhd turut dapat berkongsi ilmu dan pengetahuan dengan pelajar yang masih berada di PSP melalui program Pensyarah Pelawat Industri (PPI) dan lawatan pelajar ke Syarikat INNO Instrument Sdn Bhd. PSP turut menawarkan peluang kepada INNO Instrument Sdn Bhd melatih pelajar PSP dan juga pelanggan INNO Instrument Sdn Bhd menggunakan

fasiliti PSP. Perbincangan diakhiri dengan ucapan penghargaan Pengarah PSP iaitu Sr. Harith Fadzilah Bin Abd Khalid kepada wakil syarikat wakil INNO Instrument Sdn Bhd kerana sudi menyampaikan maklumat mengenai produk2 baru mereka yang telah berada di pasaran. Pangarah juga turut menyampaikan penghargaan kepada kakitangan PSP yang turut menjayakan perbincangan ini. Diharapkan kerjasama ini dapat memberikan nilai tambah kepada pelajar PSP.



Perbincangan bersama Pengarah Politeknik Seberang Perai, Sr. Harith Fadzilah Bin Abd Khalid



Wakil INNO Instrument Sdn Bhd iaitu Encik Duncan Tan dan Pn. Wei Nee Ch'ng.